



Kerana hutang, barang dilelong

AKIBAT degil bayar hutang, barang milik penyewa dilelong. Baru-baru ini, Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur membenarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan lelongan awam barangan milik seorang penyewa yang gagal melunaskan tunggakan sewa premis DBKL.

Sepanjang yang kawan-kawan Kedai Kopi ingat, ini adalah tindakan drastik pertama kali diambil oleh DBKL untuk memperoleh tunggakan sewa daripada penyewa yang ingkar melunaskan sewa tertunggak walaupun tempoh lama diberi.

Selalunya DBKL akan memberi ruang kepada penyewa untuk menyelesaikan tunggakan. Antara pendekatan yang

diambil ialah menawarkan ruang kepada mereka berunding bagi mencari jalan melangsaikan hutang menurut kemampuan penyewa.

Dalam isu ini DBKL tidak terus bertindak drastik tetapi bersedia mencari kaedah terbaik penyewa melunas hutang tertunggak. Misalnya melalui pembayaran secara ansuran atau menyusun balik jadual hutang berdasar kedudukan kewangan penyewa.

Pada hemat kawan-kawan Kedai Kopi, tindakan lelong diambil kerana penyewa terlibat bukan sahaja tidak patuh kepada syarat perjanjian tetapi ingkar membuat bayaran walaupun diberi tempoh munasabah untuk menyelesaikan tunggakan melalui rundingan.